

Soalan No: 46

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : PUAN TEO NIE CHING [KULAI]**  
**TARIKH : 2.8.2017**  
**SOALAN :**

**Puan Teo Nie Ching [Kulai] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan:-**

- (a) tarikh dan jumlah peruntukan tahun 2016 untuk SJKC dan Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK) disalurkan mengikut negeri; dan
- (b) jumlah peruntukan tahun 2017 untuk SJKC dan SMJK, dan setakat ini berapa peruntukan telah disampaikan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menyalurkan peruntukan mengurus tahun 2016 kepada sekolah jenis kebangsaan Cina (SJKC) sebanyak RM2,699,032,889.00 dan peruntukan sekolah menengah kebangsaan (SMK) yang juga meliputi sekolah comforming sebanyak RM12,886,210,926.00.
- (b) Bagi tahun 2017, anggaran peruntukan mengurus untuk SJKC adalah sebanyak RM2,814,595,468.90 dan SMK yang turut melibatkan SMJK adalah sebanyak RM14,025,140,684.00.

Peruntukan tersebut bagi pembayaran emolumen dan kos pengoperasian sekolah telah disalurkan bermula 6 Januari 2017.

Selain daripada itu, peruntukan Bantuan Persekolahan KPM sebanyak RM3,059,975,200.00 bagi tahun 2017 telah disalurkan kepada semua sekolah termasuk SJKC dan sekolah conforming mulai 18 Januari 2017. Jumlah ini meliputi 19 jenis Bantuan Persekolahan yang diperuntukkan berdasarkan kadar/syarat yang ditetapkan, enrolmen murid di sekolah serta peruntukan yang diluluskan.